

**MIDF tawar kewangan Islam
Utusan Online
07 Mei, 2012
Oleh AINUL ASNIERA AHSAN**

KUALA LUMPUR 6 Mei - MIDF Investment Bank Bhd. (MIDF Investment) kini dalam proses peralihan menjadi sebuah institusi kewangan Islam berasaskan Syariah yang pertama di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif MIDF Investment, Datuk Mohd Najib Abdullah berkata, peralihan itu sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat sejak awal tahun ini.

Beliau yang juga Pengarah Urusan Kumpulan Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF) berkata, peralihan itu tidak membabitkan perubahan 100 peratus memandangkan bank pelaburan itu memiliki portfolio pinjaman jangka panjang.

"Sudah tentu mustahil kita akan mengubah operasi 100 peratus kerana ia akan membabitkan kos yang besar.

"Tetapi, mulai tahun ini, kami giat mempromosikan kewangan berasaskan Syariah berbanding konvensional.

"Dengan pendekatan ini, produk konvensional kami semakin lama akan menjadi semakin kecil," katanya kepada Utusan Malaysia di sini.

Mengulas konsep asas Syariah yang bakal diperkenalkan itu, Mohd. Najib berkata, asas Syariah sama sekali tidak sama dengan patuh Syariah.

"Produk berasaskan Syariah tidak sama dengan patuh Syariah. Pada kebiasaannya produk patuh Syariah adalah produk yang dipinda daripada produk konvensional.

"Bagaimanapun, produk berasaskan Syariah perlu mematuhi konsep dan prinsip asas kewangan Islam yang sebenarnya," ujar beliau.

Beliau menerangkan, konsep dan prinsip asas Syariah dalam amalan kewangan adalah lebih adil kepada pengguna kerana ia tidak mengambil keuntungan berlebihan.

Mohd Najib mengakui konsep perbankan Islam baru yang bakal diperkenalkan itu memberi cabaran kepada MIDF Investment tetapi percaya ia mampu mewujudkan perspektif yang lebih baik kepada industri dan pelanggan.

Beliau percaya peralihan itu tepat pada masanya bagi membolehkan MIDF Investment meneroka lebih banyak peluang di dalam dan luar negara.

"Prospek sangat baik, jika tidak sudah tentu kita tidak melakukan (peralihan).

"Paling utama dengan pembaharuan ini ia akan membawa MIDF Investment ke tahap yang lebih baik," katanya.

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0507&pub=Utusan_Malaysia&sec=Korporat&pg=ko_01.htm